

# Karnival keluarga UTHM 2016 meriah

UNIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini menganjurkan Karnival Keluarga UTHM 2016 di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM, Johor.

Karnival anjuran bersama Kelab Kakitangan UTHM dan Pejabat Pendaftar bertemakan Hikmah Muafakat itu berlangsung meriah dengan pemilihan kostum berkonsepkan adi wira.

Kategori kumpulan dibahagikan mengikut konsep tersebut seperti kumpulan Batman, Ironman dan Ultraman.

Pelbagai kostum menarik diperagakan oleh peserta karnival mengikut kreativiti masing-masing.

Karnival Hari Keluarga UTHM itu dimeriahkan dengan pelbagai acara menarik seperti Pertandingan Memancing, Foto Kreatif "Si Comel tu...adiwiraku", Foto Nostalgia@UTHM, pencarian kostum terbaik, sukaneka dan pertandingan mewarna.

Turut diadakan cabutan bertuah yang menyediakan pelbagai hadiah menarik termasuk baucar barangan kemas dan elektrik.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Dalam majlis itu, Mohd Noh turut menyertai acara yang diadakan dan meluangkan masa beramah mesra dengan warga UTHM bersama ahli keluarga masing-masing.

Turut hadir Timbalan-timbalan Naib Canselor dan Pegawai-pegawai kanan universiti.



**DR. MOHD. NOH DALIMIN** (dua dari kiri) memotong reben melancarkan Karnival keluarga UTHM 2016 di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM Johor, baru-baru ini.